

Inisiatif E-Tunai Rakyat

Program rangsangan digital berjumlah **RM450 juta** ini telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan di bawah Belanjawan 2020.

Menggalakkan penggunaan e-dompet dan pembayaran digital dalam kalangan pengguna dan pedagang tempatan.

Dilancarkan pada

15 Jan 2020.

Penerima yang layak

Rakyat Malaysia berumur **18 tahun dan ke atas** yang **berpendapatan kurang daripada RM100,000 setahun**.

Cara penggunaan

Membeli barangan dan perkhidmatan yang tersedia menerusi e-dompet pilihan sepanjang **tempoh program dari 15 Jan-14 Mac 2020**.

Maklumat lanjut:

Touch 'n Go eWallet www.tngdigital.com.my
Boost www.myboost.com.my
GrabPay www.grab.com/my/pay

Sumber: Khazanah Nasional Berhad, Kementerian Kewangan



3 penyedia utama yang dipilih:



Jumlah diterima seorang: **RM30 sekali bayar**

Tuntut e-Tunai mulai hari ini

Rakyat boleh mohon insentif **RM30** menerusi **Touch 'n Go, Grab, Boost** sebelum **14 Mac**

Bernama

Putrajaya

Kira-kira 15 juta rakyat Malaysia layak boleh menuntut wang RM30 pemberian kerajaan daripada mana-mana tiga pengendali e-dompet terpilih iaitu Touch 'n Go, Grab, dan Boost mulai 8 pagi hari ini.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, kerajaan memperuntukkan RM450 juta bagi tujuan itu di bawah pelaksanaan program e-Tunai Rakyat.

"Setiap rakyat Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas serta berpendapatan kurang daripada RM100,000 seta-

itu boleh dibelanjakan untuk semua barangan dan perkhidmatan melalui platform pengendali terpilih.

Beliau berkata, inisiatif e-Tunai Rakyat itu dibentuk bagi meluaskan lagi penggunaan pembayaran digital dalam kalangan pengguna dan peniaga terutama dalam sektor runcit.

"Oleh itu, kerajaan menggalakkan semua peniaga berdaftar dengan satu atau semua pengendali e-dompet terbabit supaya mereka mendapat manfaat daripada inisiatif e-Tunai Rakyat yang bernilai RM450 juta sebelum 14 Mac berakhir.

"Setakat ini, lebih lapan juta peniaga menggunakan

diharap meningkat selepas pengumuman inisiatif e-Tunai Rakyat," katanya.

Lim berkata, bagi memastikan inisiatif itu mempercepatkan proses digitalisasi, RM30 itu perlu dibelanjakan penerima bermula 15 Januari hingga 14 Mac depan.

Beliau berkata, baki yang tidak dibelanjakan akan luput selepas 14 Mac.

"Rakyat yang layak diberi tempoh memohon wang percuma itu sebelum 9 Mac depan untuk memastikan proses pengesahan dan pemberian wang dibuat dalam masa selewat-lewatnya tempoh lima hari bekerja," katanya.

daripada 8:00 pagi hingga 5:30 petang, Isnin hingga Jumaat. E-MAIL TOYOTA: customer.support@toyota.com.my

ALL ABOUT THE DRIVE
TOYOTA

Imbas kod QR untuk SESI PANDU UJI dan dapatkan GANJARAN BERGANDA eksklusif.*
*Tertakluk pada terma dan syarat

